

ADAT BACAAN SURAH YĀSĪN MALAM JUMAAT DI MALAYSIA: KAJIAN TAKHRIJ AL-HADĪTH DAN HUKUM BACAANNYA PADA MALAM JUMAAT

The Custom of Reading Surah Yāsīn on Friday Nights in Malaysia: A Study of Takhrīj al-Hadīth and The Law of Reading It On Friday Night

^{i*}Ahmad Mursyid Azhar

ⁱⁱMuhammad Syahrul Abd Rahman

ⁱFakulti Usuluddin, Jabatan Hadith, Universiti Al-Azhar, El-Darb El-Ahmar, Kaherah, Mesir,

e-mail: ahmadmursyid80@gmail.com

ⁱⁱFakulti Syariah, Jabatan Pengajian Syariah Islamiah, Universiti al-Azhar, El-Darb El-Ahmar, Kaherah, Mesir,

e-mail: syahrulabdrahman1998@gmail.com

*(Corresponding Author) e-mail: ahmadmursyid80@gmail.com

ABSTRAK

Amalan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat telah menjadi satu adat kebiasaan bagi masyarakat Islam di Malaysia. Adat membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat telah menjadi persoalan serta tentang asal-usul dan dalil keharusan bagi pengamalan ini. Justeru itu, satu kajian *takhrīj al-hadīth* dan kajian hukum Bacaan surah Yāsīn malam Jumaat dijalankan bagi menjawab persoalan dan keraguan yang timbul. Kajian *takhrīj al-hadīth* dijalankan bagi mengkaji hadith berkaitan kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat. Perisian *Maktabah al-Shāmilah* digunakan bagi analisis hadith-hadith yang berkaitan di samping kitab-kitab biografi perawi hadith dan *'ilal al-hadīth* menjadi rujukan dalam kajian ini. Jurnal-jurnal berkaitan dengan pengamalan bacaan surah Yāsīn di Malaysia juga dirujuk bagi mengetahui latar belakang pengamalannya. Seterusnya kajian hukum membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat turut dilaksanakan dengan merujuk kepada kitab-kitab *fiqh* dan hadith yang berkaitan. Kaedah *uṣūl al-fiqh* dan *fiqh al-hadīth* digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati terdapat hadith *da'īf* berkaitan kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat. Manakala hukum membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat adalah harus berdasarkan dalil-dalil yang lebih umum.

Kata kunci: *Hukum bacaan, malam Jumaat, surah Yāsīn, takhrīj al-hadīth.*

ABSTRACT

The practice of reading surah Yāsīn on Friday night has become a customary practice for the Muslim community in Malaysia. The custom of reading surah Yāsīn on Friday night has become a question as well as about the origins and evidence of necessity for this practice. Therefore, a study of *takhrīj al-hadīth* and a study of the law of reading surah Yāsīn on Friday night was conducted to answer the questions and doubts that arose, a study of *takhrīj al-hadīth* was conducted to study the hadith related to the advantages of reading surah Yāsīn on Friday

night. The *Maktabah al-Shāmilah* software is used for the analysis of related hadiths in addition to biographical books of hadith narrators and *'ilal al-hadīth* as references in this study. Journals related to the practice of reciting Surah Yāsīn in Malaysia are also referred to to find out the background of the practice. Next, the legal study of reading Surah Yāsīn on Friday night was also carried out by referring to books of *fiqh* and related hadith. The methods of *uṣūl al-fiqh* and *fiqh al-hadīth* are used in this study. The results of the study found that there is a *da'īf* hadith related to the advantages of reading surah Yāsīn on Friday night. While the law of reading surah Yāsīn on Friday night should be based on more general arguments.

Keywords: *Friday night, reading law, surah Yāsīn, takhrīj al-hadīth.*

PENDAHULUAN

Surah Yāsīn (يٰسٰ) merupakan surah yang ke-36 di dalam al-Qur'ān mengikut tertib susunan surah. Surah ini merupakan kategori surah *makkīyah*. Menurut al-Qurtubī di dalam tafsir beliau, surah Yāsīn merupakan surah *makkīyah* secara ijma' dan surah ini mempunyai 83 ayat.¹ Surah Yāsīn mempunyai beberapa pengajaran serta intisari penting yang boleh diambil untuk diteladani. Antara intisari surah ini adalah tentang beriman kepada hari kebangkitan, kisah ahli *al-Qaryah* serta bukti yang jelas tentang keesaan Allah SWT². Menurut al-Šabūnī, surah ini dinamakan Yāsīn kerana Allah SWT memulakan surah ini dengan kalimah Yāsīn yang merupakan huruf *muqāṭṭa'ah* yang menunjukkan mukjizat al-Qur'ān.³

Berdasarkan riwayat-riwayat hadith tertentu serta beberapa nukilan ulama terdahulu, surah Yāsīn juga mempunyai beberapa kelebihan bagi seseorang yang membacanya. Ibn Kathīr mengemukakan nukilan sebahagian ulama:

*Antara kelebihan surah ini adalah surah ini tidaklah dibaca ketika seseorang berada dalam kesusahan melainkan Allah SWT akan memudahkannya.*⁴

Imam Ahmad pula menukilkan satu riwayat di dalam *Musnad* beliau:

*Kata para ulama, jika dibaca surah Yāsīn di sisi orang yang sedang nazak akan diringankan baginya sakaratulmaut.*⁵

Antara hadith yang menerangkan tentang kelebihan membaca surah Yāsīn adalah seperti kelebihan membacanya di sisi orang yang sedang nazak. Perkara ini bertepatan dengan hadith daripada Ma'qil bin Yasār, sabda Rasulullah SAW:

¹ Al-Qurtubī, Muḥammad bin Ahmad, *al-Jāmi' Li'aḥkām al-Qurān*, (Mesir: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 15:1.

² Al-Šabūnī, Muḥammad 'Alī, *Ṣafwah al-Tafsīr*, (Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 2018), 2:1004.

³ Al-Šabūnī, *Ṣafwah al-Tafsīr*, 2:1004.

⁴ Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, (Arab Saudi: Dār Taybah, 1999), 6:562.

⁵ Ahmad Ibn Ḥanbal, *Musnad Ahmad*, (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001), 28:171.

اقرؤو على موتاكم يس

Maksudnya: Bacakanlah kepada mereka yang sedang nazak itu surah Yāsīn.⁶
(Riwayat Ibn Ḥibbān)

Selain itu, terdapat juga hadith yang menyatakan surah Yāsīn adalah *qalb al-qur'ān* seperti hadith yang diriwayatkan juga oleh Ma'qil bin Yasār, sabda Rasulullah SAW:

ويس قلب القرآن

Maksudnya: Dan surah Yāsīn adalah qalb al-Qur'ān.⁷
(Riwayat Aḥmad)

Hadith ini dinilai *da'īf* pada sanadnya oleh Syu'aib al-Arnāūt. Walaupun begitu, hadith ini mempunyai jalan periyawatan (*syawāhid*) yang lain seperti riwayat Anas bin Mālik yang dikeluarkan oleh al-Tirmidhī dalam *Sunan* beliau⁸ dan riwayat Abū Hurayrah yang dikeluarkan oleh al-Bazzār dalam *Musnad* beliau.⁹

TOPIK UTAMA

1. Adat Bacaan Yāsīn Malam Jumaat Di Malaysia

Adat menurut Kamus Dewan terdapat beberapa definisi. Antara maksud adat menurut Kamus Dewan adalah cara yang sudah menjadi kebiasaan, sifat, kebiasaan.¹⁰ Di Malaysia, masyarakat Islam tempatan telah lama mengamalkan adat bacaan Yāsīn pada setiap minggu bertepatan pada hari Khamis malam Jumaat. Menurut Ishak Suliaman, umat Islam di Malaysia tidak asing lagi dengan bacaan Surah Yāsīn pada setiap malam Jumaat. Ia samada dilakukan di surau-surau mahupun masjid di kebanyakan tempat di seluruh negara kecuali beberapa kawasan tertentu. Ia juga pada kebiasaannya akan diiringi dengan bacaan tahlil arwah antara waktu selepas maghrib dan isyak.¹¹ Begitu juga seperti yang dinyatakan oleh sebahagian pengkaji dalam penulisan mereka:

"Membaca Surah Yāsīn dan ditentukan bacaannya pada malam Jumaat menjadi satu kebiasaan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

⁶ Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān. *Al-Taqāsim Wa al-Anwā'*, (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2012), no hadis, 1712, 2:474.

⁷ Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001), no hadis. 20300, 33:417

⁸ Al-Tirmidhī, Muḥammad Ibn Ḫāṣa. *Sunan al-Tirmidhī*, (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975), no hadis. 2887, 5:162.

⁹ Al-Bazzār, Aḥmad bin 'Amr, *Musnad al-Bazzār:al-Bahr al-Zakhkhār*, (Saudi: Maktabah al-'Ulūm Wa al-Hikam, 2009), no hadis. 9313, 16:190

¹⁰Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat, diakses daripada [#LIHATSINI](https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=adat&d=41812).

¹¹ Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, et al. 'Elemen Akidah Dalam Surah Yasin: Satu Sorotan Awal', Special Edition 14 (2021): 16.

Surah Yāsīn dibaca ketika ada orang sedang sakit, tengah nazak, dalam majlis Tahlil selepas kematian dan dalam upacara keraian lain-lain.”¹²

Pengamalan bacaan surah Yāsīn pada malam Jumaat telah lama diamalkan di Malaysia sejak daripada dahulu lagi. Amalan ini merupakan amalan turun-temurun daripada satu generasi kepada satu generasi berdasarkan ijtihad para ulama. Berdasarkan satu kertas kerja yang pernah dibentangkan di Seminar Pendidikan Fatwa Peringkat Negeri Sabah yang bertajuk ‘Amalan Peribadatan Masyarakat Melayu Nusantara Berteraskan Manhaj Ahlu Sunnah Wa Jamaah’ telah dapat dipastikan asal-usul amalan bacaan Yāsīn di Malaysia dan amalan-amalan lain yang berkaitan. Dalam kertas kerja tersebut ada menyatakan:

“Amalan peribadatan yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Alam Melayu adalah amalan soleh yang bersumberkan ijtihad para ulama muktabar... Berdasarkan kajian, amalan peribadatan yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Alam Melayu, yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi adalah bersumberkan amalan yang diijtihadkan oleh Syaykh Ahmad al-Qushashi, seorang ulama di Madinah al-Munawwarah kurun ke-17M... ini membuktikan bahawa amalan peribadatan yang dilakukan oleh umat Islam di Alam Melayu selama ini adalah bersumber amalan yang telah dilaksanakan oleh umat Islam di Haramayn; Mekah dan Madinah.”¹³

Bukan itu sahaja, pengamalan bacaan Yāsīn di Malaysia bukan setakat dikhususkan pada malam Jumaat sahaja. Bacaan Yāsīn juga sering dibaca sebagai salah satu aktiviti keagamaan dan kerohanian bagi umat Islam di Malaysia. Menurut Zaleha Embong, Aktiviti agama merupakan aktiviti yang mendapat sambutan daripada masyarakat Kawasan Rukun Tetangga (KRT) antaranya ceramah keagamaan, kursus mandi jenazah, bacaan Yāsīn, forum, gotong-royong membersihkan rumah ibadat dan perkuburan.¹⁴ Bahkan menurut Sharifah Nooraida Wan Hasan dan Sharifah Fatimah Wan Jamel, aktiviti bacaan Yāsīn menjadi antara 10 aktiviti surau yang disukai remaja.¹⁵

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kepustakawan. Buku-buku, jurnal-jurnal serta bahan penulisan lain dirujuk bagi menjalankan kajian ini. Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengkaji status hadith kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat yang menjadi sandaran pengamalan surah ini di Malaysia pada malam Jumaat. Selain itu, kajian ini juga bertujuan memahami hukum membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat secara khusus dan pada malam-malam lain secara umum. Bagi mendapatkan status hadith kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat, kajian *takhrij al-hadīth* dijalankan dengan menggunakan perisian

¹² Norsaleha Mohd. Salleh, et al. ‘Religious Leaders’ Views Living Hadith Practices In Malaysia’, *Jurnal Living Hadith* 5/2 (2020): 174.

¹³ Arieff Salleh Rosman, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, ‘Amalan Peribadatan Masyarakat Melayu Nusantara Berteraskan Manhaj Ahlu Sunnah Wa Jamaah’, (*Kertas Kerja Seminar Pendidikan Fatwa Peringkat Negeri Sabah*, 14 Ogos 2023).

¹⁴ Zaleha Embong, ‘Pengurusan Masyarakat Kepelbagai Dalam Kawasan Rukun Tetangga Di Malaysia: Satu Analisis’, (*Prosiding Proceeding of International Conference on Ummah*, 2022).

¹⁵ Sharifah Nooraida Wan Hasan, Sharifah Fatimah Wan Jamel, ‘Tinjauan Keperluan Aktiviti Kerohanian Dalam Kalangan Guru Pelatih Muslimah Di IPG Kampus Batu Lintang’, *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang* 10 (2011): 7.

maktabah al-Shāmilah. Kitab-kitab hadith primer dan bersanad dirujuk bagi mendapatkan sumber asal bagi hadith-hadith yang dikaji. Kaedah *dirārah al-asānīd* bagi setiap riwayat hadith yang ditemui turut digunakan bagi mengkaji status setiap sanad. Oleh itu, kitab-kitab biografi perawi hadith serta *'ilal al-hadīth* seperti *marāsil* menjadi rujukan utama kajian ini. Jurnal-jurnal berkaitan dengan pengamalan bacaan surah Yāsīn di Malaysia juga turut dirujuk bagi mengetahui latar belakang pengamalan ini.

Bagi mengkaji hukum membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat pula, kaedah *uṣūl al-fiqh* berserta dengan dalil digunakan berdasarkan kitab-kitab *fiqh* dan kitab-kitab hadith yang berkaitan. Penelitian *fiqh al-hadīth* terhadap hadith-hadith yang dikaji turut dijalankan bagi memperluaskan kajian berkenaan keharusan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat. Bagi menerangkan hukum membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat, nas al-Quran dan hadith menjadi rujukan utama dalam kajian ini. Rujukan sekunder yang membincangkan isu berkaitan turut diteliti bagi menyokong hasil kajian yang dijalankan.

3. *Takhrij al-Hadīth* Kelebihan Membaca Surah Yāsīn Pada Malam Jumaat

Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati hanya ada satu hadith sahaja yang mengkhususkan kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat. Hadith tersebut adalah hadith riwayat Abū Hurayrah RA, daripada Nabi SAW bersabda:

من قرأ ليلة الجمعة حم الدخان ويس أصبح مغفورا له

Maksudnya: Sesiapa yang membaca pada malam Jumaat Hā mīm al-Dukhan dan Yāsīn, dia telah diampunkan ketika memasuki waktu pagi.¹⁶

(Riwayat al-Bayhāqī)

Hadith dengan lafaz tersebut diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu 'ab al-Imān* melalui jalan Hishām bin Ziyād daripada Abū Hurayrah. Menurut al-Bayhaqī, Hishām bin Ziyād seorang yang *da'if*. Akan tetapi menurut Ibn Ḥajar al-'Asqalānī beliau seorang *matrūk*¹⁷ dan al-Dhahabī menyatakan *da'afūh* (ضعفه).¹⁸ Maka sanad hadith ini dapat dihukumkan sebagai *da'if jiddan*. Hadith ini juga pada asalnya berkemungkinan telah berlaku kekeliruan pada salah seorang perawi al-Bayhaqī. Hal ini kerana, lafaz yang lebih tepat telah diriwayatkan oleh Abū Ya'lā al-Mawṣilī dalam *Musnad* beliau seperti berikut:

من قرأ يس في ليلة أصبح مغفورا له، ومن قرأ حم التي يذكر فيها الدخان في ليلة الجمعة
أصبح مغفورا له

Maksudnya: Sesiapa yang membaca pada waktu malam surah Yāsīn, dia telah diampunkan ketika memasuki waktu pagi. Dan sesiapa yang membaca Hā mīm yang dikenali sebagai surah al-Dukhan pada malam Jumaat, ia telah diampunkan ketika memasuki waktu pagi.¹⁹

¹⁶ Al-Bayhāqī, Aḥmad bin Ḥusayn. *Shu 'ab al-Imān*, (Saudi: Maktabah al-Rushd, 2003), no hadis 2248, 4:104.

¹⁷ Al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī. *Taqrīb al-Tahdhīb*. (Saudi: Dār al-Minhāj, 2009), 602.

¹⁸ Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad. *Al-Kāshīf*, (Saudi: Dār al-Qiblah, 1992), 2:336.

¹⁹ Al-Mawṣilī, Aḥmad bin 'Alī. *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, (Mesir: Dār al-Hadīth, 2013), no hadis. 6224, 8:413.

Walaupun hadith yang mengkhususkan kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat terlalu *da’if*, akan tetapi terdapat beberapa hadith lain yang mempunyai maksud yang hampir sama maksud dengan lafaz hadith ini. Antara lafaznya adalah seperti berikut:

1. Hadith daripada Abū Hurayrah RA, sabda Rasulullah SAW:

من قرأ يس في ليلة التماس وجه الله غفر له

*Maksudnya: Sesiapa yang membaca surah Yāsīn pada waktu malam mengharapkan pengampunan Allah baginya pengampunan.*²⁰

(Riwayat Abū Dawūd al-Ṭayālisī)

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Dawūd al-Ṭayālisī daripada Jāsr al-Kūfi al-Yamāmī daripada al-Ḥasan daripada Abū Hurayrah. Menurut Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī Jāsr bertaraf *maqbūl*.²¹ Menurut Ibnu Abī Ḥātim berkenaan Jāsr dalam *al-Jarh Wa al-Ta‘dīl* “beliau ialah al-Yamāmī, tidaklah aku melihat pada hadithnya sebarang kelemahan”.²² Jadi Jāsr al-Yamāmī bertaraf *ṣadūq*. Akan tetapi sanadnya *da’if* disebabkan al-Ḥasan al-Baṣrī tidak mendengar hadith daripada Abū Hurayrah sebagaimana menurut ‘Alī al-Madīnī.²³

2. Hadith lain juga daripada Abū Hurayrah RA, daripada Rasulullah SAW bersabda:

من قرأ يس في ليلة ابتغاء وجه الله، غفر له في تلك الليلة

*Maksudnya: Sesiapa yang membaca Yāsīn pada waktu malam mengharapkan pengampunan Allah, maka dia telah diampunkan pada malam tersebut.*²⁴

(Riwayat al-Dārimī)

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Dārimī melalui jalan al-Ḥasan al-Baṣrī daripada Abū Hurayrah. Hadith dengan lafaz yang hampir sama juga diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu‘ab al-Īmān*²⁵ melalui jalan al-Ḥasan al-Baṣrī daripada Abū Hurayrah. Sanad hadith ini juga *da’if* disebabkan *mursal* al-Ḥasan al-Baṣrī.

3. Hadith daripada Jundab bin ‘Abdullah RA, daripada Rasulullah SAW bersabda:

من قرأ يس في ليلة ابتغاء وجه الله غفر له

²⁰ Al-Ṭayālisī, Sulaymān bin Dawūd. *Musnad Abī Dawūd al-Ṭayālisī*. (Mesir: Dār Hijr, 1999) no. hadis. 2589.

²¹ Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. *Taqrīb al-Tahdhīb*. (Saudi: Dār al-Minhāj, 2009), 178.

²² Ibnu Abī Ḥātim, ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad. *Al-Jarh Wa al-Ta‘dīl*, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-Islāmī, 1952), 2:538.

²³ Ibnu al-‘Irāqī, Aḥmad bin ‘Abd al-Rahīm. *Tuhfat al-Taḥṣīl Fī Dhikri Ruwāt al-Marāsīl*. (Saudi: Maktabah al-Rushd, 1999), 70.

²⁴ Al-Dārimī, ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahmān. *Musnad al-Dārimī*, (Saudi: Dār al-Mughnī, 2000), no hadith. 3460, 4:2150.

²⁵ Al-Bayhaqī, Aḥmad bin Ḥusayn. *Shu‘ab al-Īmān*, (Saudi: Maktabah al-Rushd, 2003), no hadis. 2236.

Maksudnya: sesiapa yang membaca surah Yāsīn pada waktu malam mengharapkan pengampunan Allah maka dia telah diampunkan.”²⁶

(Riwayat Ibn Ḥibbān)

Hadith dengan lafaz ini diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān melalui jalan al-Ḥasan al-Baṣrī daripada Jundab bin ‘Abdullah. Sanad hadith ini dihukum sebagai *da’if* disebabkan al-Ḥasan al-Baṣrī tidak mendengar hadith daripada Jundab. Menurut Abū Ḥātim, tidak benar bahawa al-Ḥasan mendengar hadith daripada Jundab.²⁷

4. Hadith daripada Ibnu Mas‘ūd RA, daripada Rasulullah SAW bersabda:

من قرأ يس في ليلة أصبح مغفرا له

Maksudnya: sesiapa yang membaca surah Yāsīn pada waktu malam, dia telah diampunkan setelah memasuki waktu pagi.”²⁸

(Riwayat Abū Nu‘aym)

Hadith dengan lafaz ini diriwayatkan oleh Abū Nu‘aym melalui jalan ‘Abdul Ghaffār bin al-Qāsim daripada ‘Amrū bin Murrah daripada al-Hārith bin Suwayd daripada Ibnu Mas‘ūd RA. Sanad hadith ini juga dihukumkan sebagai *da’if* disebabkan ‘Abdul Ghaffār bin al-Qāsim dinilai *da’if* oleh kebanyakan imam hadith. Menurut Ibnu ‘Adī beliau mempunyai hadith-hadith yang baik akan tetapi hadith-hadithnya tidak disokong oleh riwayat lain, seorang syiah yang melampau, Shu‘bah meriwayatkan dua hadith daripada beliau, dibenarkan untuk meriwayatkan hadithnya walaupun dalam keadaan *da’if*.²⁹

Berdasarkan *takhrīj al-hadīth* bagi hadith-hadith yang dinyatakan, dapat dipastikan terdapat dua bentuk hadith yang berkaitan dengan kajian hadith ini. Bentuk-bentuknya adalah seperti berikut:

- i. Bentuk hadith pertama: Kelebihan membaca surah Yāsīn khusus pada malam Jumaat.
- ii. Bentuk hadith kedua: Kelebihan membaca surah Yāsīn pada waktu malam secara umum.

Status hadith bagi hadith kelebihan membaca surah Yāsīn pada waktu malam secara umum dapat dihukumkan sebagai *ḥasan lighayrih* disebabkan riwayat-riwayat yang ada saling menguatkan. Manakala status hadith bagi hadith kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat dapat dihukumkan sebagai *da’if*. Walaupun sanad hadith kelebihan membaca surah Yasin pada malam Jumaat adalah *da’if jiddan*, akan tetapi ia dikuatkan dengan hadith yang lebih umum iaitu hadith kelebihan membaca surah Yāsīn pada waktu malam. Hal ini kerana, malam Jumaat termasuk dalam keumuman pada waktu malam hari-hari yang lain.

²⁶ Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān. *Al-Taqāsim Wa al-Anwā’*, (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2012), no. hadis. 211, 1:239.

²⁷ Ibn al-‘Irāqī, Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥīm. *Tuhfat al-Taḥṣīl Fī Dhikri Ruwāt al-Marāṣīl*. (Saudi: Maktabah al-Rushd, 1999), 73.

²⁸ Al-Asbahānī, Aḥmad bin ‘Abd Allah Abū Nu‘aym. *Hilyat al-Awliyā’ Wa Tabaqāt al-Asfiyā’*, (Mesir: Maṭba‘ah al-Sa‘ādah, 1974), 4:130.

²⁹ Ibnu ‘Adī, Aḥmad bin ‘Adī. *Al-Kāmil Fī Du‘afā’ al-Rijāl*, (Beirut: al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 7:20.

4. Hukum Membaca Surah Yāsīn Pada Malam Jumaat

Berdasarkan kajian *takhrij al-hadīth* sebelum ini, terdapat beberapa hadith berkaitan fadilat atau kelebihan beramat membaca surah Yāsīn pada waktu malam secara umum. Oleh itu, keharusan membaca surah Yāsīn pada waktu malam secara umum dapat dipastikan menurut perspektif hukum syarak. Hal ini kerana syarak membenarkan keharusan tersebut berdasarkan kaedah *uṣūl al-fiqh* berikut:

الآلية أو الحديث إذا شملت عمومها أمراً دل على مشروعيته

Maksudnya: Jika sebuah ayat al-Quran atau hadith yang mengandungi perintah bersifat umum, maka ia menunjukkan kepada pengesahan hukum perintah tersebut.³⁰

Berdasarkan kaedah yang telah dinyatakan, terdapat beberapa nas daripada al-Quran dan hadith yang menyokong keharusan membaca surah Yāsīn pada waktu malam. Menurut al-Nawawī³¹, seseorang itu hendaklah memelihara pembacaan al-Quran pada waktu malam dan pada solat malam berdasarkan firman Allah SWT:

لَيْسُوا سَوَاءٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتَلَوَّنَ آيَاتِ اللَّهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾

Maksudnya: Ahli-ahli Kitab itu tidaklah sama. Di antaranya ada golongan yang (telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada ugama Allah yang benar) mereka membaca ayat-ayat Allah (Al-Quran) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang). (113)."

(Surah Āli 'Imrān, 3:113)

Selain itu, keharusan membaca surah Yāsīn pada waktu malam termasuk dalam keumuman hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ūd RA, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ قَرَأَ حِرْفًا مِّنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ، وَالْحَسَنَةُ بِعِشْرُ أَمْثَالِهَا، لَا أَقُولُ الْمُحْرَفَ، وَلَكِنْ أَلِفَ حِرْفٌ وَلَامٌ حِرْفٌ وَمِيمٌ حِرْفٌ

Maksudnya: Barangsiapa yang membaca satu huruf dalam Al-Quran maka baginya satu kebaikan dan setiap kebaikan itu digandakan menjadi sepuluh kebaikan yang semisal dengannya. Aku tidak mengatakan alif lām mīm (ا لم) satu huruf, akan tetapi alif satu huruf, lām satu huruf dan mīm satu huruf.³²

(Riwayat al-Tirmidhī)

³⁰ Al-Ahdal, Sayyid Muhammad bin Maqbūl, *Sunnīyyah Raf'ul Yadayn Fī al-Du'ā' Ba'da al-Salāh* (Mesir: Maktabah al-Qāhirah, 2014), 94.

³¹ Al-Nawawī, Muhyi al-Dīn bin Sharf, *Tibyān fī Ādāb Hamalah al-Qur'ān* (Saudi: Dār al-Minhāj, 2018), 82.

³² Al-Tirmidhī, Muhammad bin 'Isā. *Sunan al-Tirmidhī*, (t.t.p: Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, Mesir, 1975), no hadis. 2901, 5:175.

Berdasarkan dalil-dalil yang telah dinyatakan, membaca apa-apa surah atau ayat al-Quran pada waktu siang atau malam dapat dihukumkan sebagai sunat. Bahkan seseorang digalakkan untuk memperbanyak ibadah dengan membaca ayat al-Quran mengikut kemampuan dan waktu yang lapang. Bukan itu sahaja, keharusan membaca surah Yāsīn pada waktu malam disokong oleh dalil yang khusus berkenaan dengan kelebihan membaca surah Yāsīn pada waktu malam seperti yang dinyatakan dalam perbincangan *Takhrij al-Ḥadīth* Kelebihan Membaca Surah Yāsīn Pada Malam Jumaat. Antara hadithnya adalah seperti hadith yang diriwayatkan oleh Jundab bin ‘Abdullah RA, daripada Rasulullah SAW bersabda:

من قرأ يس في ليلة ابتغاء وجه الله غفر له

*Maksudnya: Sesiapa yang membaca surah Yāsīn pada waktu malam mengharapkan pengampunan Allah maka dia telah diampunkan.*³³

(Riwayat Ibn Hibbān)

Pada lafaz hadith tersebut terdapat *ism al-nakirah* (kata nama yang menunjukkan sesuatu yang tidak ditentukan)³⁴ pada perkataan *laylah* (ليلة). Oleh itu, terdapat kaedah usul fiqh yang dinyatakan ulama seperti berikut:

النكرة إذا وقعت في سياق الشرط تكون للعموم

*“Apabila al-nakirah itu berlaku dalam konteks syarat, maka al-nakirah tersebut membawa makna umum.”*³⁵

Berdasarkan kaedah ini, perkataan *laylah* (ليلة) pada hadith ini adalah nakirah yang membawa maksud “malam” tanpa diikatkan dengan sebarang perkataan lain. Maka, seseorang itu boleh membaca surah Yāsīn pada setiap malam sama ada malam tersebut telah ditentukan oleh pembaca atau tidak ditentukan.

Walaupun terdapat hadith *da’if* yang menyatakan kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat, para ulama membenarkan seseorang beramal dengan hadith *da’if* beserta garis panduan yang telah ditetapkan seperti amalan tersebut termasuk dalam dalil umum ayat al-Quran atau hadith yang diterima untuk dijadikan hujah dalam hukum syarak. Tambahan pula, menurut al-Laknawī, seseorang itu tidak boleh mewajibkan perkara yang tidak wajib dalam syarak dan tidak boleh mengharamkan apa yang tidak diharamkan oleh syarak.³⁶

³³ Ibn Hibbān, Muḥammad bin Ḥibbān. *Al-Taqāsim Wa al-Anwā’*, (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2012), no hadis. 211, 1:239.

³⁴ ‘Alī al-Jārim, Muṣṭafā Amīn. *Al-Naḥw al-Wādih Fī Qawā’id al-Lughah al-‘Arabiyyah*. (t.t.t: al-Dār al-Miṣriyyah al-Sa‘ūdiyyah Li al-Ṭibā’ah, t.t)

³⁵ Al-Dimyāṭī, ‘Abd al-Karīm Al-Matarī. *Hāshiyah ‘Alā Sharḥ Shihāb al-Dīn al-Ramlī ‘Alā al-Sittīn Mas’alah* (Mesir: Ḫāshiyah ‘Alā Sharḥ Shihāb al-Dīn al-Ramlī, t.t), 16. Al-Bujayrimī, Sulaymān bin Muḥammad. *Hāshiyah al-Bujayrimī ‘Alā Sharḥ Manhaj al-Tullāb*, (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1950), 3:457. Al-Karmānī, Muḥammad bin Yūsuf. *Al-Kawākib al-Durārī ‘Alā Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1981), 2:114. Al-Subkī, ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi. *Al-Iḥbāj Fī Sharḥ al-Minhāj*, (Dār Kutub al-Islāmiyyah, 1984), 2:106.

³⁶ Al-Laknawī, Muhammed Ibn ‘Abd al-Hayy, *Iqāmat al-Hujjah ‘Alā Anna Ikthār Fī Ta’ābud Laysa Bi Bid’ah* (Mesir: Dār al-Quds, 1994) 127.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian *takhrīj al-hadīth* dan *fīqh al-hadīth* bagi hadith kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat, dapat disimpulkan bahawa terdapat sumber asal dan dalil bagi pengamalan bacaan surah Yāsīn pada malam Jumaat. Status hadith bagi hadith yang mengkhususkan kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat adalah *da’īf*. Manakala hadith kelebihan membaca surah Yāsīn pada waktu malam secara umum dapat dihukumkan sebagai *ḥasan lighayrih*. Adapun hukum membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat adalah harus berdasarkan dalil yang lebih umum daripada nas al-Quran mahupun hadith Nabi SAW. Tambahan pula hadith *da’īf* berkenaan kelebihan membaca surah Yāsīn pada malam Jumaat boleh diamalkan kerana termasuk dalam perkara *fadā’ il al-a’māl* (kelebihan beramal) dan juga termasuk dalam umum hadith kelebihan membaca surah Yāsīn pada waktu malam.

RUJUKAN

- Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal. *Musnad Aḥmad*. (Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 2001)
- Al-Ahdal, Sayyid Muḥammad bin Maqbūl, *Sunnīyyah Raf‘ul Yadayn Fī al-Du‘ā’ Ba‘da al-Ṣalāh* (Mesir: Maktabah al-Qāhirah, 2014)
- Al-‘Allā’ī, Khalīl bin Kaykaladī. *Jāmi‘ al-Tahṣīl Fī Aḥkām al-Marāṣīl*. (Beirut: ‘Alim al-Kutub, 1986)
- Al-Asbahānī, Aḥmad bin ‘Abd Allah Abū Nu‘aym. *Hilyat al-Awliyā’ Wa Ṭabaqāt al-Asfiyā’*. (Mesir: Maṭba‘ah al-Sā‘ādah, 1974).
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. *Taqrīb al-Tahdhīb*. (Saudi: Dār al-Minhāj, 2009)
- Al-Bayhāqī, Aḥmad bin Ḥusayn. *Shu‘ab al-Imān*. (Saudi: Maktabah al-Rushd, 2003)
- Al-Bazzār, Aḥmad bin ‘Amrū. *Musnad al-Bazzār: al-Bahr al-Zakhkhār*. (Saudi: Maktabah al-‘Ulūm Wa al-Hikam, 2009)
- Al-Bujayrimī, Sulaymān bin Muḥammad. *Hāshiyah al-Bujayrimī ‘Alā Sharḥ Manhaj al-Tullāb* (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1950)
- Al-Dārimī, ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahmān. *Musnad al-Dārimī*. (Saudi: Dār al-Mughnī, 2000)
- Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad. *Al-Kāshif*. (Saudi: Dār al-Qiblah, 1992)
- Al-Dimyātī, ‘Abd al-Karīm Al-Maṭārī. *Hāshiyah ‘Alā Sharḥ Shihāb al-Dīn al-Ramlī ‘Alā al-Sittīn Mas’alah* (Mesir: ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t)
- ‘Alī al-Jārim, Muṣṭafā Amīn. *Al-Naḥw al-Wādīh Fī Qawā‘id al-Lughah al-‘Arabiyyah*. (t.t.t: al-Dār al-Miṣriyyah al-Sā‘ūdiyyah Li al-Ṭibā‘ah, t.t)
- Al-Karmānī, Muḥammad bin Yūsuf. *Al-Kawākib al-Durārī ‘Alā Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī* (Mesir: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1981)
- Al-Laknawī, Muḥammad bin ‘Abd al-Ḥayy, *Iqāmat al-Hujjah ‘Alā Anna Ikthār Fī Ta‘ābūd Laysa Bi Bid‘ah* (Mesir: Dār al-Quds, 1994)
- Al-Mawṣilī, Aḥmad bin ‘Alī. *Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī*. (Mesir: Dār al-Hadīth, 2013)
- Al-Nawawī, Muhyī al-Dīn bin Sharf, *Tibyān fī Ādāb ḥamalah al-Qur’ān* (Saudi: Dār al-Minhāj, 2018)

- Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad, *al-Jāmi' Li 'ahkām al-Qurān*. (Mesir: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964)
- Al-Šabūnī, Muḥammad 'Ali, *Šafwah al-Tafāsīr*. (Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 2018)
- Al-Subkī, 'Alī bin 'Abd al-Kāfi. *Al-Ihbāj Fī Sharḥ al-Minhāj* (Dār Kutub al-Islāmiyyah, 1984)
- Al-Ṭayālisī, Sulaymān bin Dawūd. *Musnad Abī Dawūd al-Ṭayālisī*. (Mesir: Dār Hijr, 1999)
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin 'Isā. *Sunan al-Tirmidhī*. (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975)
- Arieff Salleh Rosman, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, 'Amalan Peribadatan Masyarakat Melayu Nusantara Berteraskan Manhaj Ahlu Sunnah Wa Jamaah', (Kertas Kerja Seminar Pendidikan Fatwa Peringkat Negeri Sabah, 14 Ogos 2023): 1-34.
- Ibn Abī Ḥātim, 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad. *Al-Jarh Wa al-Ta'ḍīl*. (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-Islāmī, 1952)
- Ibn 'Adī, Aḥmad bin 'Adī. *Al-Kāmil Fī Du'afā' al-Rijāl*. (Beirut: al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997)
- Ibn al-'Irāqī, Aḥmad bin 'Abd al-Rahīm. *Tuhfah al-Taḥṣīl Fī Dhikri Ruwāt al-Marāṣīl*. (Saudi: Maktabah al-Rushd, 1999)
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān. *Al-Taqāsim Wa al-Anwā'*. (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2012)
- Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*. (Arab Saudi: Dār Ṭaybah, 1999)
- Norsaleha Mohd. Salleh, Mohd Farid Ravi Abdullah, Abur Hamidi Usman, Rosni Wazir, Abu Zaki Ismail, Nurul Ain Burhanuddin, 'Religious Leaders' Views Living Hadith Practices In Malaysia', Jurnal Living Hadith 5/2 (2020): 171-193.
- Sharifah Nooraida Wan Hasan, Sharifah Fatimah Wan Jamel, 'Tinjauan Keperluan Aktiviti Kerohanian Dalam Kalangan Guru Pelatih Muslimah Di IPG Kampus Batu Lintang', Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang 10 (2011): 1-13.
- Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, Abdul Hadi Awang, Mohd Manawi Mohd Akib, Syamim Zakwan Rosman & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin, 'Elemen Akidah Dalam Surah Yāsīn: Satu Sorotan Awal', Special Edition 14 (2021): 12-20.
- Zaleha Embong, 'Pengurusan Masyarakat Kepelbagai Dalam Kawasan Rukun Tetangga Di Malaysia: Satu Analisis', (Prosiding Proceeding of International Conference on Ummah, 2022): 898-907.